

NO. SOALAN : 450

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH**

**[ SUBANG ]**

**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyenaraikan semua syarikat di mana Felda Global Ventures Holding Bhd (FGV) memegang saham, bilangan dan peratus pegangan saham dalam syarikat berkenaan, serta sifat atau aktiviti utama anak-anak syarikatnya.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah syarikat senaraian awam, segala maklumat mengenai anak syarikat dan operasinya telah dilaporkan dalam laporan tahunan FGV serta boleh diakses oleh orang awam menerusi laman sesawang rasmi FGV.

Berikut pegangan semasa anak syarikat utama FGV pegangan terus:

No.	Nama anak-anak Syarikat	Nilai Saham	Aktiviti Utama
1.	Pontian United Plantations Berhad	100%	Perladangan
2.	Asian Plantations Limited	100%	Perladangan
3.	FGV Kalimantan Sdn. Bhd.	100%	Perladangan
4.	Golden Land Sdn. Bhd.	100%	Perladangan
5.	MSM Holdings Berhad	51%	Gula Bertapis
6.	TRT Holdings, US	100%	Kilang Pemecahan Bijirin
7.	FGV Cambridge Nanosystems Limited	70%	Penyelidikan Teknologi Nano
8.	Felda Iffco Sdn. Bhd.	50%	Perdagangan Komoditi
9.	FGV Trading Sdn. Bhd.	100%	Perdagangan Komoditi
10.	F.W.Q. Enterprises (Pvt.) Ltd	65%	Perdagangan, Penapisan dan Logistik

Sekian. Terima kasih.